

UNI-INDUSTRI Pemangkin Modal Insan BERKUALITI

DALAM usaha melaksanakan transformasi sistem pengajian tinggi secara bersepadu, satu Pelan Strategik Pengajian Tinggi dilancarkan untuk menzahirkan Modal Insan berkualiti bagi memenuhi keperluan industri dan pembangunan negara. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Che Othman berkata, Pelan Tindakan itu termasuklah penubuhan Panel Penasihat Universiti Industri melalui Jalinan Kerjasama antara Universiti-Industri. Pelan Strategik telah dilancarkan tahun lalu bertujuan mengeratkan hubungan antara Universiti dengan pihak Industri dan mengkaji semula kursus-kursus yang tidak sesuai dengan keperluan semasa.

"UMK sentiasa berusaha memastikan kurikulum yang disediakan berkualiti tinggi dan memenuhi aspirasi Negara. "Idea mewujudkan Uni-Industri inimerupakan usaha Universiti memperkukuhkan keberkesanan mekanisma untuk membolehkan industri menyumbang kepada penggubalan kursus dan kajian semula kurikulum di UMK dalam usaha memastikan kesesuaiannya dengan keperluan industri. Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan sempena Majlis Makan Malam Jalinan Kerjasama Universiti Industri, di Hotel PNB Park di Kuala Lumpur pada 23 Mei 2008 lalu.

Manakala dalam ucapan Naib Canselor



Barisan Panel Universiti-Industri bergambar kenangan semasa Majlis Makan Malam Jalinan Kerjasama Universiti-Industri

UMK, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed berkata penubuhan panel itu merupakan satu mekanisma dalam merancang dan memantau hala tuju Universiti serta membangunkan program kurikulum yang ditawarkan.

"Sokongan melalui penyertaan dan penglibatan industri dalam pendidikan amat penting terutama dalam perancangan kursus, pengajaran dan latihan amali. "Penglibatan industri dalam penggubalan kurikulum juga akan meningkatkan tahap kebolehan pasaran, relevan dan kemahiran graduan UMK. Melalui kepakaran dan pengalaman serta pengetahuan panel penasihat dari sektor industri ini akan dapat digunakan oleh Universiti bagi meningkatkan kualiti pensyarah dan secara tidak langsung mempengaruhi kualiti program dan graduan itu sendiri" jelasnya.

Panel Universiti-Industri yang terlibat ialah Shell Malaysia, Chemical Company of Malaysia Berhad, Malaysian Biotechnology Corporation, E-Lock Corporation, AJ Craft Sdn Bhd, Celcom, Mydin Holding, Nadicorp Holding, KLIA Consultancy Services, NCB Holdings Berhad dan Balai Seni Lukis Negara.

WARGA Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengalu-alukan dan mengucapkan selamat bertugas kepada Prof. Dr. Azizul Halim Yahya di atas perantukan beliau sebagai Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa di UMK. Beliau yang mula bertugas di UMK pada 1 Februari 2008 lalu adalah Penolong Naib Canselor di Jabatan Komunikasi Korporat (JKK) di kampus induk Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor.

Prof. Dr. Azizul mempunyai pengalaman luas dan kepakaran dalam bidang korporat serta periklanan berkelulusan Diploma in Mass Communication (Advertising), ITM Shah Alam (1984); M. Sc. (Mass Communication) Advertising, Boston University, US (1998) dan Ph D (Advertising), Loughborough University, United Kingdom (2000). Beliau telah memegang pelbagai tugas dan jawatan sepanjang bertugas di UiTM dan pernah menerima pelbagai Anugerah dan pengiktirafan antaranya Anugerah Tokoh Sukan UiTM 1994, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005, Anugerah Kualiti Penulisan Terbaik Terbitan 2005, Anugerah Penulisan Terbaik 2006 dan Anugerah Naib Canselor (Penerbitan) 2006.



**SELAMAT
DATANG**



BIL.1 • Jan-Jun 2008

ISSN 1985 - 5451

BULETIN Teraju

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
www.umk.edu.my

UMK TERAJU PEMBANGUNAN MODAL INSAN

MAJLIS PECAH TANAH
Kampus Induk UMK


MISI EKSPEDISI SAINTIFIK
Tanah Tinggi Lojing 2008



ISSN 1985-5451



9 771985 545008



TAJUK • TERAJU
EDISI JAN-JUN
KONSEP PUSAT HUBUNGAN KORPORAT
DAN STRATEGIK

PENGURUSAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

NAIB CANSOLOR

Y.Bhg Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed

TIMBALAN NAIB CANSOLOR

Akademik dan Antarabangsa
Y.Bhg Prof. Dr. Azizul Halim Yahya

TIMBALAN NAIB CANSOLOR

Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Mortaza Mohamed

PEMANGKU PENDAFTAR

Mej. Pauzi Pak Chu

TIMBALAN BENDAHARI

Mohd Yusri Awang

KETUA PUSTAKAWAN

Azman Hashim

SIDANG EDITORIAL

KETUA EDITOR

Puan Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain
Pengarah Pusat Hubungan Korporat & Strategik

EDITOR/PRUF

Cik Faizah Shah Rum
Pegawai Perhubungan Awam

EDITOR BERSEKUTU

Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar
Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli

Prof. Madya Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim
Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Prof. Madya Hj. Ab. Aziz Shuaib
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latif
Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana

Prof. Madya Dr. Farok Zakaria
Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Prof. Dr. Wan Salihin Wong Abdullah
Pengarah Pusat Pengurusan dan Pembangunan Akademik

WARTAWAN

Syarimie Wosley


FOTOGRAFI

Ahmad Humaizi Hasim
Mohd Al Azam Mat Razi

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI : PUSAT HUBUNGAN KORPORAT DAN STRATEGIK

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100, Kota Bharu, Kelantan.

E-mail : korporat@umk.edu.
Telephone : +609 - 771 7000
Fax : +609 - 771 7006
Website : http://www.umk.edu.my



Sekapur
Sireh
Naib Cansolor

Assalamualaikum, Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah S.W.T Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Saya amat bersyukur dan gembira dengan kelahiran sulung Buletin UMK yang diberi nama TERAJU dapat direalisasikan pada hari ini. Biar pun dalam kesuntukan masa dan tempoh masa yang singkat akhirnya makalah ini berjaya dihasilkan. Memang tidak dinafikan untuk menghasilkan sebuah dokumentasi seperti ini kita berdepan dengan banyak masalah dan halangan walaupun perancangan awal telah dibuat sejak tahun lepas lagi. Namun, dengan komitmen dan sokongan semua warga UMK daripada pelbagai pihak akhirnya kita mampu merentas semua halangan itu sama juga dengan penubuhan Universiti kesayangan kita hari ini adalah lahir dari kesungguhan dan naluri kita yang dahagakan ilmu.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada sidang redaksi yang bertungkus-lumus menyiapkan BULETIN TERAJU dalam tempoh yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan kakitangan UMK yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bersedia memberi kerjasama berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman selepas setahun kita bersama di komuniti kecil ini. Nama TERAJU di pilih daripada teras penubuhan UMK itu sendiri sebagai peneraju Modal Insan manakala istilah Teraju dalam permainan wau – dikaitkan dengan tali teraju sebagai pemegang untuk mengimbangi wau (Teraju Tiga). Maka selaras dengan objektif Universiti untuk melahirkan Modal Insan yang berteraskan Keusahawanan dan Perniagaan, Teknologi Kreatif dan Warisan serta Agro Industri dan Sumber Asli kita dapat mengimbangnya dari pelbagai aspek. Inshaallah, dengan lahirnya BULETIN TERAJU ini semua warga UMK dapat memberi kerjasama komited dan menyumbang secara efektif kepada aspirasi Negara untuk menghasilkan usahawan yang berteraskan ilmu pengetahuan. Pada sesi Julai 2008 kita akan menerima buat kali kedua pelajar baru UMK yang akan memulakan sesi pengajian 2008/2009 dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan "Selamat Datang" pada mereka ke kampus kita ini.

Akhir kata, dari hati yang penuh tulus ikhlas sekalung tahniah dan terima kasih pada semua yang terlibat. Harapan saya melalui BULETIN TERAJU ini kita dapat menjadikannya sebagai wadah dan wasilah kepada semua komuniti di UMK dan di luar sana. Mungkin, keluaran pertama ini masih banyak kelemahan dan kekurangan namun diharap semua pihak dapat memberi pandangan dan idea dalam usaha kita memantapkan lagi risalah kerdil ini untuk keluaran masa akan datang.

Y.Bhg Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed

JALINAN Keusahawanan

SELARAS dengan visi UMK peneraju Modal Insan maka pelbagai program yang bertujuan merealisasikan hasrat ini diadakan antaranya Program keusahawanan seperti Prime Entrepreneur Lecture Series (PELS), serta Bengkel Perancangan Kewangan.

PELS

Merupakan satu program yang diadakan secara berkala dalam bentuk ceramah yang disampaikan oleh ahli perniagaan yang berjaya dan cemerlang. Sasaran peserta bukan sahaja pelajar Universiti Malaysia Kelantan semata-mata tetapi termasuk juga pelajar-pelajar IPTA/IPTS yang berdekatan.

Bengkel Kewangan

Program ini dianjurkan secara bersiri dimana pelajar akan didedahkan dengan teori dan pratikal berkenaan pengurusan kewangan daripada panel penceramah jemputan dan fasilitator yang dijemput khas.



Chairman Lecture Series 2: Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim, Ketua Eksekutif Johor Corporation .



Majlis MOU diantara Universiti Malaysia Kelantan dengan Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

FASA ANJUR KURSUS CENDAWAN

BERTEMPAT di kampus UMK, Taman Bendahara, satu sesi Seminar Penanaman Cendawan Tiram Kelabu anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah diadakan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Agro Bank dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), pada 26 hingga 27 Mei 2008 lalu.

Seminar yang berlangsung selama dua hari itu mendapat sambutan orang ramai walaupun baru pertama kali dianjurkan. Beberapa penceramah pakar dalam bidang ini dijemput iaitu daripada UMK, Jabatan Pertanian, Agrobank dan FAMA.

Menurut Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Profesor Dr. Hj. Ibrahim Che Omar, seminar dan bengkel ini bertujuan memberi pendedahan asas mengenai pengeluaran cendawan tiram kelabu (Pleurotus sajo-caju) kepada mereka yang baru mula terlibat sebagai pengusaha.



Bengkel asas penanaman Cendawan Tiram Kelabu di UMK

SEKITAR Lawatan Ke UMK

SEPANJANG bulan Julai 2007 hingga Jun 2008, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menerima banyak kunjungan daripada pihak luar seperti pelajar sekolah, organisasi kerajaan, NGO dan sebagainya.

Seperti biasa pelawat akan diberi taklimat mengenai Operasi UMK dan dibawa melawat beberapa kemudahan yang terdapat di UMK seperti Dewan Kuliah, Perpustakaan, Makmal Komputer dan Makmal Pelajar.

8 OGOS 2007

UMK telah menerima kunjungan daripada pelajar-pelajar dan guru pengiring Sekolah Menengah Ambrose, Ayer Tawar, Perak Darul Ridzuan ke Kampus UMK.

23 SEPTEMBER 2007

Lawatan Naib Canselor dan Pegawai Kanan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) ke UMK.

2 OKTOBER 2007

Lawatan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Naib Canselor dan Pegawai Kanan UMS.



5 HINGGA 6 DISEMBER 2007

Lawatan Pemimpin Masyarakat Jeli ke UMK.

16 DISEMBER 2007

Lawatan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B Dato' Mustapha Mohamed ke UMK.

11 FEBUARI 2008

Lawatan Persatuan Wanita Kelantan (PEWATAN).

20 FEBUARI 2008

Lawatan Sambil Belajar SMK Rantau Panjang ke UMK.



13 MAC 2008

Lawatan Rombongan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perpatih Negeri Sembilan.

1 APRIL 2008

Lawatan Maktab Kerjasama Malaysia dan Rombongan Universiti Malaysia Sabah.

6 APRIL 2008

Lawatan kakitangan SIRIM Berhad ke UMK.



10 APRIL 2008

Lawatan Kerja Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia ke UMK.



PELAJAR UMK RINTIS PEMBANGUNAN MODAL Insan

PELAJAR PERINTIS Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dilihat sebagai kayu ukur dan pemangkin utama pembangunan di Negeri ini dalam membangunkan modal insan," ujar YAB Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi, dalam ucapan beliau semasa merasmikan Majlis Operasi dan Pelan Pembangunan Strategik di UMK, Taman Bendahara, Pengkalan Chepa pada 3 Ogos 2007 lalu.

Dalam ucapan itu beliau menggesa semua Universiti berusaha memartabatkan kecemerlangan bidang pendidikan dan kualiti taraf pendidikan tinggi di Negara ini dengan pendekatan secara menyeluruh iaitu tidak terbatas kepada bidang akademik semata-mata.



Perdana Menteri diberi penerangan mengenai UMK pada Majlis Perasmian Operasi dan Pelancaran Pelan Pembangunan Strategik UMK.

**"SAYA INGIN
MELIHAT KECEMERLANGAN
DALAM PELBAGAI BIDANG
INI DIMULAKAN....**

"DATO' SERI ABDULLAH HJ AHMAD BADAWI"

"Kita perlu melihat pembentukan sahsiah diri pelajar dari pelbagai aspek terutama yang memberi sumbangan kepada rakyat dan Negara melalui gerak kerja kemasyarakatan, sukan dan kebudayaan.

"Saya ingin melihat kecemerlangan dalam pelbagai bidang ini dimulakan, dijadikan tradisi dan diperkukuhkan. Semua ini sebenarnya adalah pengukur sama ada sesebuah Universiti itu cemerlang atau tidak," ujar beliau.

Sementara itu, antara kenamaan yang turut hadir di majlis tersebut adalah Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed; Pengerusi Majlis Kemajuan Kelantan, Datuk Seri Panglima Annuar Musa; Pengerusi Lembaga Pengarah UMK, Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Che Othman dan Naib Canselor UMK, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed.



Sebahagian graduan sulung UMK pada Majlis Minggu Mesra Mahasiswa (3M) yang diadakan di Dewan Besar IPKB pada 7 Julai 2007



Menteri Pengajian Tinggi Malaysia (Mantan) turut hadir memberi sokongan pada hari pendaftaran pelajar perintis.

UMK

TERAJU PEMBANGUNAN MODAL

INSAN



budaya Universiti.

Bidang keusahawanan dan Perniagaan serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah dijadikan teras utama pengajian di UMK pada sesi sulungnya pada Julai tahun lalu. Pembangunan fakulti telah dirancang untuk Kampus tetap Universiti di Bachok yang akan menempatkan tiga fakulti iaitu Keusahawanan dan Perniagaan, Teknologi Kreatif dan Warisan serta Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah manakala kampus Jeli pula akan menempatkan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) serta Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME).

Kami mensasarkan menjelang Julai 2010, UMK mampu menerima kemasukan 2,160 pelajar dengan 135 tenaga kerja akademik manakala 148 bukan akademik.

Apakah Visi, Misi dan Objektif UMK dalam mencapai sasaran Universiti untuk melahirkan Modal Insan ?

Visi UMK adalah sebagai peneraju pembangunan Modal Insan bercirikan Keusahawanan bagi kesejahteraan global. Manakala misi UMK menyediakan program akademik berkualiti dan relevan melalui penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi serta perkhidmatan yang memenuhi tanggungjawab sosial yang mampu meningkatkan daya saing dalam keusahawanan.

Secara tidak langsung UMK sentiasa mengutamakan keperluan pelanggan dan memenuhi kehendak pasaran dengan menyediakan persekitaran kondusif dan warga UMK berpengetahuan, berkemahiran dan komited mengamalkan budaya kerja profesional, mengurus secara partisipatif serta melaksanakan penambahbaikan secara berterusan.

Melalui visi dan misi ini kita dapat mencapai objektif kita untuk 'accessibility' pengajian tinggi kepada rakyat dan usaha untuk menjayakan agenda pembangunan Modal Insan sebagai strategi utama ke arah pencapaian Misi Nasional.

Berapa jumlah pelajar yang mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan?

Seramai 300 kumpulan pelajar perintis mendaftar pada sesi pertama pengambilan pada 1 Julai lalu di kampus sementara UMK di Taman Bendahara.

Buat permulaan empat program ditawarkan iaitu Program

TANGGAL 1 Julai 2007 Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melakar era baru dalam sejarah pendidikan tinggi Negara sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-19 sebaik sahaja memulakan sesi pengajian pertamanya di kampus sementara di Taman Bendahara dan Institut Perguruan Kota Bharu (IPKB) Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan.

Bagi mengupas lebih lanjut perkembangan UMK dalam mengharungi cabaran selepas setahun penubuhannya kita ikuti wawancara bersama Naib Canselor UMK, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed.

Sebelum berbicara lebih lanjut bolehkah Prof. ceritakan serba ringkas mengenai perjalanan dan rentetan permulaan Prof. sebagai Naib Canselor UMK serta sebagai orang pertama yang menggerakkan IPTA ke-19 ini?

Melihat kepada awal perjalanan UMK, saya ditugaskan dalam persekitaran yang sangat mencabar dimana ketika itu tiada kemudahan fizikal, sumber tenaga manusia (HR) yang belum dibudayakan, program akademik yang belum diuji dan harapan 'stakeholders' yang sangat tinggi. Tetapi, Alhamdulillah, akhirnya UMK berjaya dizahirkan selepas 20 tahun rakyat di negeri ini mengimpikannya.

Apakah perancangan awal dan pelan pembangunan strategik yang dipraktikkan?

Dalam konteks untuk membangunkan dan menggerakkan sesebuah organisasi, perancangan dan pelaksanaan yang efektif perlulah menjadi agenda tugas oleh semua warga Universiti. Pada masa yang sama falsafah bekerja secara berpasukan perlu diterap dan dibangunkan untuk menjadi

500 ORANG SERBU

Chairman Lecture Series 3



Dato' Sabri Ahmad
Pengerusi Lembaga Minyak
Kelapa Sawit Malaysia



Dr. Ken Leong
CEO e-Lock Corporation Sdn. Bhd.




Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim
Ketua Eksekutif Johor Corporation

PROGRAM Chairman Lecture Series 3 (CLS) anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mencapai objektifnya apabila 500 peserta yang terdiri daripada para usahawan tempatan, para pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS), ahli akademik, Ketua-Ketua Jabatan serta wakil-wakil dari pelbagai organisasi dan NGO di negeri ini menyertai pogram tersebut.

CLS 3 berlangsung pada 12 April 2008 lalu di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan dengan mengetengahkan tema Industri Kreatif. Panel Penceramah utama bagi CLS3 ini adalah Pengasas dan CEO E-Lock Corporation Sdn .Bhd. , Dr. Ken Leong dan Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan UMK, Prof. Madya Ab. Aziz Shuaib.

CLS merupakan program tertinggi yang dianjurkan oleh UMK dan sebelum ini CLS 1 diadakan pada 19 Januari 2008 yang bertemakan Pengkomersialan Produk yang mengetengahkan Dato' Sabri Ahmad (Pengerusi Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia) dan Prof. Dr. Ibrahim Che Omar (Dekan, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli UMK).

Manakala CLS 2 yang bertemakan Keusahawanan Korporat pula telah berlangsung pada 2 Februari 2008 dengan ahli Panel yang terdiri daripada Ketua Eksekutif Johor Corporation , Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim dan Dekan, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan UMK Prof. Madya Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim.



PESTA Wau Antarabangsa Kelantan 2008 yang telah berlangsung di Pantai Geting, Tumpat, pada 23 hingga 27 Mei lalu menjadi medan ujian kepada 30 pelajar Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dan warga kakitangan UMK menimba pengalaman dan pengetahuan dalam pembuatan serta rekabentuk wau.

Dekan FTKW, Prof. Madya Ab. Aziz Shuaib, berkata penyertaan itu adalah kali pertama bagi pelajar dan tambah istimewa apabila warga UMK diberi satu slot khas iaitu "Pertandingan Wau Universiti Malaysia Kelantan (UMK)". Slot berkenaan khusus untuk penyertaan warga Universiti dalam pertandingan ini. "Slot ini diadakan bertujuan mendedahkan pelajar UMK dalam menyertai dan menimba pengalaman dalam pertandingan di peringkat tempatan dan antarabangsa selain melahirkan seramai mungkin yang berkemahiran dalam bidang pembuatan wau," katanya.

Pesta Wau Antarabangsa itu disempurnakan perasmianya oleh Y.T.M Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Faris Petra Sultan Ismail Petra.

UMK SAHUT CABARAN

PESTA WAU

ANTARABANGSA 2008



Penyertaan warga
UMK memeriahkan lagi
Pesta Wau Antarabangsa
2008



Zulhazman menerangkan hasil penemuan kepada pemberita semasa Majlis Penutup Ekspedisi Saintifik Tanah Tinggi Lojing.



Prof. Ir. Dr. Zainai menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta ekspedisi.



Peserta mendengar taklimat ringkas mengenai misi Ekspedisi Tanah Tinggi Lojing.

MISI EKSPEDISI SAINTIFIK TANAH TINGGI LOJING 2008 LAKAR KEJAYAAN

BIARPUN terpaksa berdepan dengan halangan dan cabaran namun misi Ekspedisi Saintifik Tanah Tinggi Lojing 2008 yang berlangsung pada 26 Mei dan berakhir 12 Jun lalu telah melakar sejarah tersendiri. Misi selama 18 hari yang disertai 103 peserta bertujuan untuk merealisasikan hasrat Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) meneroka keajaiban dan kekayaan alam di Lojing.

Naib Canselor UMK, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed berkata ekspedisi ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta menjalankan penyelidikan flora dan fauna di kawasan berkenaan. Sebagai Universiti baru ekspedisi berkenaan penting supaya penuntut UMK boleh menentukan keupayaan mereka serta dapat mempelajari sesuatu yang belum pernah diterokai.

“Menerusi ekspedisi ini kita berjaya menemui pelbagai penemuan baru termasuklah bunga Rafflesia dari spesies ‘Karriir’ yang dijumpai di kawasan lereng cerun dengan paras ketinggian 1,300 meter dari paras laut Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang,” katanya semasa menyempurnakan perasmian Majlis Penutup Ekspedisi Saintifik Tanah Tinggi Lojing 2008, di kampus sementara UMK, Pengkalan Chepa pada 12 Jun lalu.

Tambah Prof. Ir. Dr. Zainai, penemuan ini membuktikan Lojing berpotensi besar untuk dimajukan dalam sektor ekopelancongan.

Ekspedisi ini adalah anjuran bersama Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), UMK dan Institute for Tropical Biology and Conservation (ITBC), UMS, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan serta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

Program ini menerima penyertaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan sebuah pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Global Environment Centre (GEC).

Turut hadir pada majlis itu ialah Dekan FASA merangkap Pengerusi Bersama Ekspedisi, Prof. Dr Ibrahim Che Omar; Pensyarah Kanan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan UMS, Zulhazman Hamzah; Timbalan Pengurus Besar Pembangunan KESEDAR, Tuan Haji Mohd Arshad Ismail dan Penolong Pengurusan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri, Tuan Haji Khalim Samah.



Barisan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Dari kanan, Naib Canselor UMK, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed; Pengerusi LPU, Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Che Othman (Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad); Datuk Haji Md Alwi Haji Che Ahmad (Ahli Lembaga Juru Ukur Malaysia); Puan Yasmin Mahmood (Pengarah Urusan Microsoft (Malaysia)); Puan Hazanah A. Bakar (Ketua Seksyen Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam & Khidmat Pengurusan, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Kewangan); Dato' Haji Mohd Aiseri Alias (Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan); Dato' Mohammed Hussein (Mantan Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Maybank Berhad); Dr. Ramli Bin Hassan (Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan & Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi).

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Keusahawanan Teknologi Pertanian), Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan.

Manakala bagi jumlah pelajar mengikut fakulti ialah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan seramai 90 pelajar, Fakulti Agro-Industri dan Sumber Asli pula 50 pelajar dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan pula seramai 160 pelajar.

Apa perkembangan dan pencapaian UMK selepas genap setahun beroperasi?

Selepas setahun berlalu saya berbangga UMK telah dapat memberi impak kepada masyarakat dalam konteks pembangunan pendidikan. Universiti telah dapat memulakan operasi mengikut perancangan dan dapat memulakan secara langsung “Enterprise & Entrepreneurial Education” dengan memasukkan kandungan berkaitan ke dalam semua program dan merentas semua kurikulum. Universiti juga telah berjaya berdamping dengan masyarakat untuk menjelaskan tentang kepentingan dan cabaran dalam pendidikan.

Bagaimana Prof. melihat teras utama universiti sebagai melahirkan modal insan yang berkualiti dapat direalisasikan?

Modal Insan yang berkualiti berkait rapat dengan ciri-ciri keusahawanan. Ini bermaksud individu yang bersikap positif, inovatif, kreatif dan tinggi nilai kepimpinan serta

berkemampuan mengambil risiko. Oleh itu pelbagai program tambahan dilaksanakan bagi menerapkan ciri-ciri ini seperti ‘Prime Entrepreneurial Lecture Series (PELS), Chairman Lecture Series (CLS) dan lain-lain. Dalam hubungan ini penggunaan ICT merupakan pengupaya yang boleh mempercepatkan pencapaian Modal Insan yang berkualiti.

Boleh Prof. jelaskan mengenai perkembangan status kampus UMK di Bachok dan Jeli?

Secara umumnya persediaan membangunkan kampus tetap di Bachok dan Jeli berjalan dengan baik. Insyallah, di akhir tahun 2010 kedua-dua kampus untuk fasa 1 akan disiapkan. Buat masa ini pembangunan fasa 1 berjalan lancar.

Apakah harapan Prof. pada UMK?

Sebagai sebuah IPT baru kami mensasarkan kelahiran graduan sulung yang berkualiti menjelang 2010. Harapan dan hasrat UMK ialah untuk menghasilkan graduan yang menepati sasaran dan relevan sentiasa menjadi keutamaan kami. Melihat kepada skop Universiti inilah, maka kita mesti memastikan pembangunan yang mampan selain mahu terlibat dalam hal itu demi menjayakan lima teras utama dalam RMK ke-9 iaitu dimana dalam setiap satunya, Universiti harus memainkan peranan yang telah ditetapkan.

KENALI UMK

UNIVERSITI Malaysia Kelantan atau UMK merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke-19 ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia. UMK merupakan satu-satunya Universiti berstatus penuh tetapi berfokus (berbanding dengan Universiti penyelidikan dan Universiti komprehensif) ditempatkan di Negeri Kelantan Darul Naim.

Penubuhan UMK diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). UMK telah diperbadankan pada 1 September 2006 melalui Warta Perintah Pemberbadanan P.U. (A) 415/2006.

UMK berteraskan kepada pendidikan keusahawanan (entrepreneurship education). Oleh itu frasa rangsangan "Entrepreneurial University" dan "Entrepreneurship Is Our Thrust" telah digunakan dengan meluas.



RASIONAL LOGO


LOGO merupakan simbol. Simbolik pada logo Universiti Malaysia Kelantan ialah penekanan kepada huruf "U" dan "K". Rekabentuk logo sendiri melambangkan dinamik, pemikiran terbuka dan merentasi zaman.

Manakala bentuk "hourglass" pula membawa maksud tiada tempoh masa dalam proses pembelajaran atau Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Dalam erti kata lain, ia juga melambangkan dua tangan memohon restu, bersyukur dan redha.

Logo ini juga menggambarkan unsur "chromosome" yang aktif dan dinamik selain melibatkan unsur kejadian alam (a part of nature).

Pemilihan warna "biru" adalah untuk Malaysia, "merah" untuk Kelantan dan "jingga" warna semulajadi buah pinang masak (melambangkan warisan). Falsafah UMK memberi penekanan kepada enam aspek utama iaitu:

- Keusahawanan.
- Bahasa ketiga.
- ICT sebagai pengupaya.
- Pembelajaran sepanjang hayat.
- Modal Insan yang berkualiti.
- Keunikan dan relevan.



Y. Bhg./Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan




Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Mortaza Mohamed
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni



Y. Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya
Timbalan Naib Canselor
Akademik dan Antarabangsa



Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar
Dekan
Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli



Prof. Madya Hj. Ab. Aziz Shuaib
Dekan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Wawasan



Prof. Madya Dr. Dahlan Ibrahim
Dekan
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan



Prof. Dr. Wan Salihin Wong Abdullah
Pengarah
Pusat Perurusan dan Pembangunan Akademik



Prof. Madya Dr. Farok Zakaria
Pengarah
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah



Prof. Madya Abdul Aziz Ab.Latif
Pengarah
Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana



Mej. Pauzi Pak Chu
Pemangku Pendatar



Menteri Pengajian Tinggi beramah-mesra dengan peserta Program Bakti Siswa.



Sebahagian 1,500 mahasiswa dari 17 IPTA yang terlibat dalam Program Bakti Siswa.

1,500 PELAJAR Berkampung Di Kelantan Sempena BAKTISISWA IPTA 2008

SERAMAI 1,500 mahasiswa dari 17 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah menyertai program Baktisiswa IPTA 2008 yang diadakan secara serentak di seluruh Negara pada 6 hingga 8 Februari lalu.

Program tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti kemasyarakatan dalam memberi kesedaran mengenai kepentingan pendidikan selain mendekati mereka dengan masyarakat. Sepanjang program tersebut berlangsung para pelajar akan tinggal bersama keluarga angkat dan mengikuti aktiviti kemasyarakatan yang telah diatur seperti kenduri rakyat, gotong-royong dan program motivasi. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) buat julung-julung kalinya menjadi tuan rumah untuk program BAKTI SISWA 2008 yang dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Y.B Dato' Mustapa Mohamed di kampus UMK, di Taman Bendahara. Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr. Hassan Said dan Naib Canselor UMK, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed.

TIGA PELAJAR CEMERLANG UMK TERIMA BIASISWA MAYBANK



Tiga pelajar cemerlang UMK menerima sumbangan biasiswa yang disampaikan oleh wakil Maybank.

TIGA pelajar Universiti Malaysia Kelantan mencatat sejarah pertama Universiti ini apabila menerima skim biasiswa Maybank selepas menunjukkan kecemerlangan akademik dalam bidang masing-masing. Ketiga-tiga mereka itu adalah pelajar yang berjaya memperoleh CGPA 3.5 ke atas. Mahasiswa yang dimaksudkan adalah Chan Khar Hor dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan manakala dua pelajar lagi adalah dari Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Yap Ee Ting serta Nur Fa'iqah Zamri. Masing-masing menerima biasiswa sebanyak RM7,000 setahun serta sebuah komputer riba. Biasiswa itu disampaikan oleh Ketua Pengurusan Bakat dan Sumber Manusia Korporat Maybank, Raja Ahmad Hidzir Raja Muhammad dalam majlis yang diadakan sempena dengannya pada 31 Januari 2008 lalu.

WARGA UMK DIGESA AMAL 5S

WARGA Universiti Malaysia Kelantan (UMK) disaran melaksanakan amalan budaya kerja 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal) dalam usaha pengisian sistem kerja yang lebih cekap dan berkesan selaras dengan misi dan objektif Universiti. Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed berkata sistem 5S telah terbukti memberi banyak kelebihan kepada produktiviti dan kualiti perkhidmatan dalam sesebuah organisasi.

"Melalui amalan sistem 5S memberi banyak manfaat termasuk daripada aspek penyelenggaraan prosedur dan rekod yang mudah, meningkatkan keyakinan dan kepuasan pelanggan, mengurangkan kos operasi, penjimatan penggunaan kawasan penyimpanan, kerja berpasukan yang lebih baik bagi pengurangan kos efektif dan juga, kemajuan dalam menjejak barangan dan stok," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan ketika menyempurnakan perasmian program "Ceramah 5S Ke Arah Pengurusan Kerja Yang Cemerlang". Taklimat ini disertai hampir 100 kakitangan UMK di Kampus UMK, Taman Bendahara, Pengkalan Chepa pada 22 Mei 2008 lalu. Ceramah disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Kualiti dan Perancangan Korporat Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Y.Bhg. Prof. Madya Siti Fauzeyah Syed Halim.

DUTA BESAR JEPUN LAWAT UMK

KUNJUNGAN hormat Duta Besar Jepun ke Malaysia, Mr. Masahiko Horie ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dilihat sebagai serampang dua mata apabila beliau berminat menjalinkan kerjasama dalam pelbagai sektor terutamanya membabitkan bidang pertanian, pendidikan dan keusahawanan. Menurut Mr. Masahiko, ini kerana sektor berkenaan dilihat mampu memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan ekonomi antara kedua-dua Negara.

Beliau berkata demikian ketika membuat lawatan ke Kampus UMK, Taman Bendahara, Pengkalan Chepa, pada 5 April 2008. Menerusi lawatan beliau ini beberapa taklimat utama berkenaan Pelan Tindakan Pembangunan Operasi UMK oleh Naib Canselor, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed telah dibentangkan. Sementara itu, ketika ditanya oleh pemberita



Kunjungan Mr. Masahiko Horie ke UMK bukti keakraban antara Jepun dan Malaysia.

semasa sesi sidang media mengenai pandangan beliau terhadap Pelan Pembangunan UMK, Mr. Masahiko berkata Pelan Pembangunan UMK dilihat memberi penekanan kepada Pembangunan Modal Insan sepertimana yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi.

Ujar beliau lagi bagi menjayakan hasrat bersama itu, Jepun akan terus mengekalkan keakraban hubungan dua hala menerusi program pertukaran pelajar dan ekoran kejayaan dasar itu, kerajaan Jepun memutuskan untuk meningkatkan jumlah pelajar Malaysia yang akan melanjutkan pengajian ke Universiti-Universiti di Jepun," jelas beliau. Hadir sama adalah Pengerusi LPU, Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Che Othman.



Pengalaman Dr. Sheikh Muszaphar di angkasa lepas dikongsi bersama pelajar UMK.

ANGKASAWAN NEGARA MENDARAT DI UMK

PENGALAMAN 'Angkasawan' pertama Negara di 'Angkasa Lepas' Dr. Sheikh Muszaphar Syukur Al Masrie dikongsi bersama 300 pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ketika lawatannya ke kampus UMK, di Taman Bendahara, Pengkalan Chepa, pada 27 Februari lalu. Ternyata aura angkasawan itu cukup hebat apabila kehadiran beliau ke UMK mendapat sambutan hangat pelajar yang sudah tidak sabar menunggu untuk melihat dan mendengar sendiri pengalaman beliau. Dr. Sheikh Muszaphar meluangkan masa selama hampir satu jam berkongsi pengalamannya selain beramah-mesra dengan pelajar dengan pelbagai persoalan terutamanya mengenai pengalaman beliau di angkasa lepas termasuklah ketika menjalankan kajian dan cara beribadat. Sebelum itu, Angkasawan Negara itu juga hadir pada Majlis Amanat Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed Kepada Pelajar IPT di Kelantan dan Majlis Bersama Angkasawan Negara, di sebuah hotel, di Kota Bharu.

Dr. Muszaphar dalam rangka lawatan ke Kelantan selama dua hari bermula 26 hingga 27 Februari lalu mempunyai jadual yang ketat turut dibawa bertemu dengan para pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Air Lanas, Jeli, SMK Tanah Merah 1; Maktab Rendah Sains Mara Kuala Krai selain terlibat dalam majlis ramah mesra dengan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan.

Angkasawan Negara mengambil kesempatan menurunkan tandatangan ketika berkunjung ke UMK.



Naib Canselor UMK, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed memberi penerangan kepada Y.A.B Perdana Menteri mengenai Pelan Induk Kampus UMK.

Sesi Sidang Media.

Perarakan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia ke majlis.

MAJLIS PECAH TANAH Kampus Induk UMK



Gambaran Pandangan Udara Universiti Malaysia Kelantan di Kampus Bachok.



Gambaran bangunan Masjid dan Pusat Islam UMK di Kampus Tetap Bachok.

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) bakal memiliki bangunan sendiri apabila kampus induk fasa pertama dengan kos pembangunan yang bernilai RM205 juta akan siap di bina di Tangok, Bachok pada tahun 2011.

Naib Canselor UMK, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed berkata pembinaan kampus induk UMK itu dilaksanakan di tapak kawasan seluas lebih 300 hektar lengkap dengan segala kemudahan untuk pendidikan tinggi selain sebuah masjid turut dibina di tapak itu. "Melalui penubuhan UMK ia telah merealisasikan impian 26 tahun rakyat negeri ini untuk menyaksikan pembukaan sebuah Universiti yang akan menjadi pemangkin yang efektif kepada pembangunan ekonomi dan anjakan minda masyarakat," katanya.

Kampus tetap ini merupakan sebahagian daripada usaha melahirkan Modal Insan yang berjaya dan dapat membantu merencanakan lagi pelaksanaan Pelan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang melibatkan Kelantan, Terengganu dan Pahang. Perdana Menteri Y.A.B Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi telah menyempurnakan perasmian Majlis Pecah Tanah tapak pembinaan Kampus Induk UMK di Tangok, Bachok ketika lawatan sehari beliau ke negeri ini pada 29 Februari lalu.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Pengajian Tinggi Y.B Dato' Mustapa Mohamed; Pengerusi BN Kelantan, Datuk Seri Panglima Annuar Musa.

LENSA LENS



Delegasi UMK yang diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed di perkenankan mengadap Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan di Istana Negeri pada 8 Jun 2008.



Rombongan "Japanese Cultural Caravan" bersama Pegawai Kanan UMK sempena lawatan dan bengkel di UMK.



Peserta kursus Bengkel Penanaman Cendawan Tiram Kelabu di Peringat, Kota Bharu pada 27 Mei 2008



Barisan Kontinjen Sukan UMK menyahut cabaran di Sukan Antara Kakitangan Universiti Malaysia yang berlangsung di Sarawak pada 14 Jun hingga 21 Jun 2008.



Menteri Pengajian Tinggi, 'YB Dato' Mustapa Mohamed meraikan ibu bapa pelajar pertama UMK pada hari pendaftaran pada 1 Julai 2007.



Sebahagian hasil karya UMK yang dipamerkan di Pameran Seni Lukis Kelantan 2008 di Muzium Negeri pada 5 Jun 2008.



Gerai pameran UMK di Program Kelantan Fesť anjuran PEWATAN yang diadakan di Kuala Lumpur pada 31 Mei hingga 1 Jun 2008.



Naib Canselor UMK Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed menyempurnakan majlis pelepasan peserta "Merdeka Town Walk" sempena Ulangtahun ke 50 Hari Kemerdekaan Malaysia.



Lawatan Delegasi UMK ke Universiti Malaysia Sabah



Naib Canselor UMK memberi penerangan mengenai Operasi Pembangunan Kampus Bachok kepada tuan tanah.



Majlis Pelancaran Pelan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Pelancaran Pusat Kecemerlangan ECER di Universiti Malaysia Terengganu pada 14 Jun 2008



Perdana Menteri menyaksikan Majlis MoU Projek Agropolitan di antara UMK dan KESEDAR semasa Pelancaran ECER di Kota Bharu, Kelantan pada 29 Oktober 2007.